

# Pelaburan Bumiputera naik \$89j

**KUALA LUMPUR.** Ahad — Pelaburan Bumiputera dalam projek yang dilaksanakan tahun lalu telah meningkat \$89 juta — daripada \$497.2 juta tahun 1986 kepada \$586.2 juta tahun 1977, demikian menurut Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad; di sini malam tadi.

Sewaktu berucap di majlis malam anjuran Persekutuan

Pengilang-pengilang Malaysia Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, bagaimanapun peratus peningkatan keseluruhan pelaburan Bumiputera itu tidak melambangkan sebarang kemajuan kerana ia tidak seimbang dengan kadar perkembangan sektor tersebut.

Dato Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian menegaskan jumlah modal yang dilaburkan dalam projek-projek pembangunan dalam tahun 1976 adalah hanya \$2,840.4 juta, manakala jumlah modal yang dilaburkan pada tahun 1977 adalah \$3,401.5 juta.

Kerajaan telahpun membuat analisa mengenai keadaan itu dan mendapati pelabur-pelabur Bumiputera masih lagi menghadapi beberapa masalah terutamanya kedudukan kewangan.

"Masih terdapat lagi sikap tidak berani menanggung risiko untuk melabur dalam projek-projek yang baru dilaksanakan di kalangan kaum Bumiputera. Kedudukan mereka pula hanya sebagai golongan pemegang saham yang

kecil dalam sebarang bidang pelaburan," kata beliau lagi.

Bagaimanapun, kata beliau lagi, sambutan kaum Bumiputera terhadap saham-saham yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat sangat menggalakan.

Sehingga 31 Ogos lalu, sejumlah 118,351,707 saham bernilai \$127,820,745 yang ditawarkan kepada Bumiputera sudah dibeli melalui kerjasama Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Walaupun begitu, tawaran dan pembelian saham-saham ini tidak akan dapat membantu Kerajaan mencapai matlamatnya.

"Untuk mencapai matlamat 30:40:30 menjelang 1990, kaum Bumiputera perlu menamatkan semangat dan minat yang sama dalam menanggung risiko untuk melabur dalam syarikat-syarikat sendiri berhad," katanya.

Dato Seri Dr. Mahathir kemudian menyatakan kementeriaannya sedang menimbangankan beberapa langkah untuk mengatasi permintaan beberapa golongan bukan Bumiputera termasuk pelabur-

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# Eksport dari Malaysia meningkat

## DARI MUKA 1

pelabur asing yang hendak membeli baki saham-saham yang dikhaskan untuk Bumiputera.

Kata beliau, Kerajaan bersedia hendak bertolak ansur dalam perkara itu demi untuk menggalakan perkembangan ekonomi yang pesat tetapi terpaksa mengenakan beberapa syarat iaitu:

● Bahawa syarikat-syarikat berkenaan tidak ada jalan lain lagi untuk mendapatkan kaum Bumiputera membeli saham-saham yang dikhaskan kepada mereka.

● Keutamaan diberikan kepada pelabur-pelabur Malaysia bukan Bumiputera untuk membeli saham-saham yang dikhaskan itu.

## Rundingan

● Bahawa saham-saham itu hendaklah dijual balik kepada kaum Bumiputera secepat mungkin bila syarikat-syarikat pengeluaran saham berkenaan telah kukuh dan mendapat keuntungan dengan harga semasa selepas merujuk kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Dato Seri Dr. Mahathir seterusnya memberitahu, Kerajaan juga sedang mengambil berbagai langkah untuk menambahkan bilangan Bumiputera yang berkeelayakan yang diperlukan oleh sektor pengilangan dengan mengadakan pelbagai latihan tektik dan profesyenal.

Sementara itu, mengenai perdagangan, beliau berkata, sejak lima tahun lalu eksport barangan kilang

Malaysia telah meningkat tiga kali ganda dari \$918 juta dalam tahun 1973 kepada \$2,800 tahun lalu.

Beliau mensifatkan keadaan itu sebagai satu petanda menggalakan dan yakin para pengilang Malaysia akan terus meningkatkan eksport mereka jika mempunyai azam yang lebih kuat.

Di samping itu, katanya, Kerajaan juga sedang melancarkan satu program bertujuan menggunakan pejabat-pejabat Suruhanjaya Perdagangan Malaysia di luar negeri dengan lebih berkesan lagi ke arah mencapai tujuan tersebut.

Selain dari itu, kementerianya juga

telah menjalankan pelbagai usaha ke arah mencapai tujuan meningkatkan lagi eksport Malaysia ke negara-negara lain.

Untuk tahun depan, beliau menambah, Bahagian Perdagangan Antarabangsa kementerianya akan menghantar beberapa rombongan perdagangan ke negara-negara EEC, Afrika, Asia Barat, Amerika Syarikat, Kanada, Vietnam.

Tiga lagi rombongan akan dihantar ke Kepulauan Pasifik Selatan, Sepanyol, Portugal, Greek, Turki dan sebahagian negara-negara di Amerika Selatan.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia